



POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD
(Co. No: 199101001452 (211763-P))

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	3
2. TUJUAN	3
3. PEMAKAIAN	3
4. TAKRIFAN.....	3
5. PENYATAAN DASAR	4
6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN.....	5
7. PEMATUHAN.....	6
8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN	6
9. PENUTUP	7
10. AKU JANJI POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN SEMASA BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA	7
11. RUJUKAN.....	10

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd berhasrat untuk mencapai tahap piawaian tertinggi bagi mengelakkan percanggahan kepentingan di dalam setiap urusan. Polisi Percanggahan Kepentingan ini merupakan komitmen IWK untuk mengelakan sebarang percanggahan kepentingan melibatkan warga IWK dan Pihak Ketiga dalam sebarang urusan perkhidmatan dan operasi IWK yang boleh menjurus kepada salah guna kuasa, penyelewengan, amalan rasuah dan sebarang salah laku. Percanggahan kepentingan boleh menyebabkan seseorang tidak dapat bertindak secara objektif dan telus; sekaligus sukar membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi serta menimbulkan persepsi buruk terhadap ketelusan dan tanggungjawab IWK.
- 1.2 Dokumen ini perlu dibaca bersama Polisi Tatalaku (“Kod”) dan polisi-polisi lain berkaitan integriti yang telah diluluskan oleh Pengurusan.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan untuk memberi panduan kepada warga IWK untuk menerangkan prinsip, peraturan dan isu berkaitan dengan konflik kepentingan yang timbul semasa menjalankan tugas rasmi demi memastikan tugas dijalankan dengan telus, adil dan berintegriti.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini digunapakai untuk semua warga IWK dan Pihak Ketiga. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga ataupun mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti IWK.

4. TAKRIFAN

Percanggahan kepentingan

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan pegawai telah

memprioritaskan kepentingan peribadi bercanggah dengan kepentingan awam; atau menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri, saudara atau sekutu.

Warga IWK

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di IWK sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga IWK juga termasuk Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Operasi atau syarikat di bawah IWK.

Saudara dan sekutu

Merujuk kepada tafsiran “saudara” dan “sekutu” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694).

Pihak ketiga

Kontraktor, vendor, pembekal, konsultan, penyedia perkhidmatan, organisasi, pemeriksa dari jabatan pengawal selia, pengurusan penjawat awam atau kerajaan, pemegang taruh atau mana-mana pihak yang berurusan dengan IWK.

Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

5. PENYATAAN DASAR

IWK sentiasa berusaha menerapkan serta memperkukuhkan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan profesionalisme dalam semua urusan rasmi. Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, warga IWK adalah dilarang untuk:

- i. Mengadakan hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pihak ketiga untuk kepentingan peribadi yang menimbulkan

- percanggahan dengan tugas rasmi;
- ii. mempunyai **kepentingan peribadi / kewangan** dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi di IWK;
 - iii. membiarkan diri atau saudara/sekutu berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan tugas rasmi;
 - iv. terlibat dalam membuat keputusan atau urusan perolehan atas kapasiti tugas rasmi dengan mana-mana pihak yang mana saudara/sekutu memiliki kepentingan dalam pihak tersebut;
 - v. menyalurkan apa-apa **maklumat terperingkat** berkaitan IWK yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di IWK;
 - vi. menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan **akaun peribadi** dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di IWK;
 - vii. menerima **balasan/ yuran / komisen / upah / servis dalam apa-apa bentuk** daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di IWK; dan
 - viii. menggunakan **kedudukan rasmi** untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di IWK.
 - ix. Menyalahguna kedudukan rasmi untuk mempengaruhi keputusan yang memihak kepada dirinya atau saudara/sekutunya;
 - x. Menyalahguna kedudukan rasmi sebagai warga IWK untuk mendapat layanan istimewa atau keuntungan dari mana-mana pihak ketiga.

6. PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

- 6.1 Warga IWK yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Jabatan.
- 6.2 Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana warga IWK yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.
- 6.3 Warga IWK yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta

meninggalkan mesyuarat tersebut.

- 6.4** Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan mesyuarat dalam minit mesyuarat.
- 6.5** Memastikan mana-mana pihak menjaga kerahsiaan apa-apa rahsia, sulit dan maklumat terperingkat berkaitan IWK yang membolehkan mana-mana pihak mendapat manfaat dalam apa-apa urusan IWK.

7. PEMATUHAN

Kegagalan atau keenggan kakitangan IWK untuk mematuhi Polisi ini boleh dianggap rosak dan tertakluk kepada tindakan tatatertib di bawah Polisi Tatalaku IWK.

8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Saluran Pendedahan Maklumat IWK (Whistle Blowing Channel)

- i) Telefon : 03-2780 1295
- ii) Emel : whistle@iwk.com.my
- iii) Hantar Borang Pemberi Maklumat kepada Ketua Unit Integriti & Governans
- iv) Hantar Borang Pemberi Maklumat melalui <https://www.iwk.com.my> atau IWK Mobile App
- v) Hadir dan Bertemu di :
Unit Integriti & Governans
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
Aras 22, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur

9. PENUTUP

Kakitangan yang mempunyai maklumat mengenai kemungkinan perlakuan yang tidak mematuhi peraturan IWK, kakitangannya, atau mana-mana pihak ketiga yang IWK berurusan atau dijangka menjalankan perniagaan, harus melaporkan situasi ini mengikut arahan yang diberikan di dalam Kod.

IGU dibenarkan untuk membuat garis panduan bersesuaian bagi maksud baik pengurusan polisi ini.

10. AKU JANJI POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN SEMASA BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

Terdapat 2 borang untuk aku janji Percanggahan Kepentingan iaitu:

- i. Aku janji Polisi Konflik Kepentingan
Hendaklah diisi oleh mereka yang terlibat dalam urusan rasmi IWK diantara pihak IWK dan pihak ketiga.
- ii. Pengecualian Konflik Kepentingan
Hendaklah diisi oleh mereka yang mengisytiharkan konflik kepentingan dengan mana-mana pihak ketiga dan ingin mengecualikan diri daripada sebarang urusan rasmi IWK antara IWK dengan pihak ketiga.

AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN

Tarikh:

Lokasi:

Butiran kerja/Perkara:

Kepada (Ketua Pejabat) :

1. Saya dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di IWK.
2. Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai percanggahan kepentingan dalam mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.
3. Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut kod tatalaku IWK atau mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam yang terpakai.
4. Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah benar dan betul.

Pengesahan yang terlibat:

1.	Nama:		
	Jawatan:		
	Tempat Bertugas:		
	No. Tel.:		
2.	Nama:		
	Jawatan:		
	Tempat Bertugas:		
	No. Tel.:		
3.	Nama:		
	Jawatan:		
	Tempat Bertugas:		
	No. Tel.:		
4.	Nama:		
	Jawatan:		
	Tempat Bertugas:		
	No. Tel.:		
5.	Nama:		
	Jawatan:		
	Tempat Bertugas:		
	No. Tel.:		

PENGECUALIAN KONFLIK KEPENTINGAN

Tarikh:

Lokasi:

Butiran kerja/Perkara:

Kepada (Ketua Pejabat) :

1. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawasanya saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dalam proses kerja atau perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan kepentingan dengan tugas rasmi saya. Butir-butir proses kerja atau perkara berkenaan dinyatakan seperti senarai di bawah.
2. Saya dengan ini memohon agar dikecualikan daripada terlibat dalam apa-apa proses kerja berkaitan dengan urusan rasmi di atas.
3. Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah benar dan betul.

Pengesahan yang terlibat:

1.	Nama kakitangan IWK:		
	Jawatan:		
	Jabatan:		
	Hubungan:		
	No. Tel.:		
2.	Nama individu/syarikat/organisasi:		
	Jawatan:		
	Hubungan:		
	No. Tel.:		
3.	Nama individu/syarikat/organisasi:		
	Jawatan:		
	Hubungan:		
	No. Tel.:		
4.	Nama individu/syarikat/organisasi:		
	Jawatan:		
	Hubungan:		
	No. Tel.:		
5.	Nama individu/syarikat/organisasi:		
	Jawatan:		
	Hubungan:		
	No. Tel.:		

11. RUJUKAN

- i. Perlembangaan Persekutuan
- ii. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- iii. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
- iv. Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023